




Ruj.Kami : M.D. KERIAN. P/14/13 JLD 6 (51) – B103
Tarikh : 18 Februari 2025

Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PERMIT DAN IZIN LALU BAGI KERJA PEMASANGAN
INFRASTRUKTUR CELCOMDIGI BERHAD DI JALAN PERUSAHAAN 1, PARIT BUNTAR
- BAGAN SERAI
- Kebenaran Izin Lalu**



Dengan hormatnya perkara di atas dan surat tuan bertarikh 10 Januari 2025 adalah berkaitan dan sesalinan pelan dilampirkan.

2. Untuk makluman, pihak tuan dikehendaki menyediakan serta mematuhi perkara-perkara berikut sebelum permit korekan dikeluarkan:

- i. Permit korekan dikeluarkan sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak Majlis Daerah Kerian.
- ii. Semua kerja-kerja pemotongan jalan hendaklah menggunakan 'Diamond Cutter' sebelum mengorek jalan.
- iii. Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja korekan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, 'scupper drains', bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.
- iv. Tiada longgokan bahan binaan (cth: pasir, 'crusher run') di atas jalan yang berturap.
- v. Turapan semula permukaan jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam, sisa korekan perlu dibuang dari kawasan korekan dan diganti dengan yang baru (pasir, 'crusher run' tebal 300mm).
- vi. Bahan-bahan binaan yang diletakan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah kerja siap.
- vii. Korekan bahu jalan hendaklah diarakkan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat- rapat (*closed turfing*).
- viii. Korekan melibatkan pemotongan merentangi jalan baru perlu kaedah Horizontal Direct Drilling (HDD).

..12-

- ix. Tidak dibenarkan menebang atau merosakan akar pokok-pokok tanaman pada bahu Jalan.
- x. Pemohon dikehendaki mengambil 'insuran' bagi sebarang tuntutan awam, MDK Tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan.
3. Pihak tuan perlu menjelaskan bayaran di bawah:
- a. Bayaran Permit sebanyak RM -
 - b. Bayaran Cagaran sebanyak RM 2,000.00
 - c. Bayaran Tempat Letak Kereta RM -

4. Selain itu, pihak tuan juga dikehendaki mengemukakan **Surat Persetujuan** di atas perkara 2 (i) hingga (x) dan No. Akaun pembayar serta **Salinan Resit Pembayaran** untuk mengeluarkan permit korekan. Surat ulasan ini, sah dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh surat ini. Selepas 30 hari maka ulasan ini terbatal dan pihak tuan perlu membuat permohonan yang baru.

Sekian dimaklumkan.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(Ir. MOHD AKHIL BIN MOHD MOKHTAR)
Ketua Jabatan Kejuruteraan
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
Wg/z/2025

s.k

Digi Telecommunication Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Delima 1/1
Subang Hi-Tech Industrial Park
40000 SHAH ALAM
(u.p: Encik Dactneswaran Kandasamy)

"PERAK SEJAHTERA 2030"